



KEKOSONGAN JAWATAN:

KETUA UNIT LATIHAN & PEMBANGUNAN KERJAYA

YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YaPEIM)

YaPEIM adalah sebuah yayasan yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan pada 13 Oktober 1976 dan diperbadankan di bawah Trustees (Incorporation) Act 1952. Bagi menggerakkan potensi dan meluaskan peranannya, YaPEIM telah disusun dan dilancarkan semula pada 20 Julai 1984 oleh YAB Perdana Menteri pada masa itu.

Kami ingin mempelawa warga Malaysia yang berkelayakan, komited dan berdedikasi untuk mengisi kekosongan jawatan berdasarkan penditilan di bawah:

MAKLUMAT JAWATAN

Perjawatan	:	Ketua Unit Latihan dan Pembangunan Kerjaya
Kumpulan Perkhidmatan	:	Eksekutif Pengurusan (EP)
Gaji	:	Min RM2,800.00 hingga Max RM8,200.00
Status Perkhidmatan	:	KONTRAK

DESKRIPSI TUGAS

1. Melaksanakan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan pembangunan sumber daya insani yang meliputi latihan dan pembangunan, bimbingan dan mentor, penilaian kompetensi, pengurusan pengetahuan dan latihan atas talian (*e-learning*) YaPEIM dan Kumpulan.
2. Menyediakan dan melaksanakan analisis terhadap *Training Need Analysis* (TNA) bagi memastikan keperluan latihan bagi setiap kakitangan YaPEIM dan Kumpulan YaPEIM.
3. Bertanggungjawab untuk menyediakan jadual latihan tahunan dan aktiviti latihan bagi kakitangan YaPEIM dan Kumpulan YaPEIM.
4. Bertanggungjawab dalam memantau dan memberi laporan berkenaan keberkesanan latihan dan pembangunan yang telah dilaksanakan.
5. Bertanggungjawab untuk menyemak, mengkaji, mengemaskini dan mencadang penambahbaikan polisi, garis panduan dan SOP yang berkaitan dengan pembangunan sumber manusia dan pelaksanaan polisi, garis panduan dan SOP tersebut termasuk sesi bengkel, taklimat, 'town hall' dan perbincangan.
6. Membangunkan Pelan Pembangunan Kerjaya yang bersesuaian untuk peningkatan kerjaya kakitangan YaPEIM dan Kumpulan YaPEIM.

SYARAT KELAYAKAN

Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut:

- (a) Terbuka kepada semua warga Malaysia yang berkelayakan, komited dan berdedikasi untuk mengisi kekosongan jawatan;
- (b) Berumur tidak kurang daripada 30 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Mempunyai Ijazah Sarjana atau Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Sumber Manusia atau Pembangunan Sumber Manusia yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. Mempunyai Doktor Falsafah adalah satu kelebihan; dan
- (d) Lulus Bahasa Melayu dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

KELEBIHAN UTAMA

1. Berpengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun dalam pembangunan kerjaya atau pengurusan latihan organisasi
2. Berkemahiran dalam mengurus emosi, psikologi, kebajikan dan pembangunan sumber manusia.
3. Mempunyai kemahiran berkomunikasi dan penulisan dengan baik sama ada dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu.

CARA MEMOHON:

1. Pemohon yang berminat perlu mengemukakan resume/ *Curricular Vitae* (CV) yang lengkap (beserta gambar passport dan salinan sijil-sijil berkaitan) dengan menyatakan sekurang-kurangnya dua (02) rujukan. Resume yang lengkap hendaklah dihantar melalui emel ke psy@yapeim.my dan ditujukan kepada Bahagian Sumber Daya Insani YaPEIM.
2. Hanya pemohon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Pemohon yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
3. Tarikh tutup permohonan adalah pada **25 Mei 2023 (Khamis)**